

Laluan MRT

Fasa 2 siap 99%

■ *Laluan Semantan-Kajang bakal dilancar 17 Julai kini jalani ujian*

Siti Fatimah Hassan

sfhassan@hmetro.com.my

Sepang

Projek Aliran Transit Massa (MRT) Fasa 2 dari Semantan ke Kajang berjalan mengikut jadual apabila ia kini 99 peratus siap sebelum dilancarkan pada 17 Julai depan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana Datuk Seri Azmi Abdul Aziz berkata, tren berkenaan ketika ini di peringkat ujian bagi memastikan operasinya berjalan lancar nanti.

“Kita kini rancang mela-

kukan persiapan iaitu dengan melakukan pelbagai ujian ke atas tren bagi memastikan pergerakannya tidak mengalami sebarang kecacatan.

“Sehingga kini, boleh dikatakan ia 99 peratus siap. Insya-Allah, ia akan beroperasi pada 17 Julai depan,” katanya ketika ditemui di Majlis Penghantaran Kapten Tren Haji Al Mashaaer Al Mugaddasah Metro *Southern Line* (MMMSL) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini, semalam.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak sebelum ini memilih tarikh unik 17 Julai 2017 (17.07.2017) sebagai ta-

rikh istimewa bagi pelancaran operasi fasa kedua itu membabitkan laluan sejauh 30 kilometer (km).

Pelancaran itu akan melengkapkan jajaran Sungai Buloh-Kajang sepanjang 51km.

Terdahulu, PRASARANA menghantar seramai 49 pemandu tren bagi kumpulan kedua yang akan bertugas mengendalikan perkhidmatan tren haji Al Mashaaer Al Mugaddasah Metro *Southern Line* (MMMSL) pada musim haji nanti.

Menerusi Fasa Kedua itu, kerajaan menjangkakan perkhidmatan itu dapat memanfaatkan lebih 500,000 penumpang setiap hari.